

**PELAKSANAAN HUKUMAN QISAS DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI MALAYSIA:
SATU ANALISIS MENGENAI KESESUAIANNYA**

***THE IMPLEMENTATION OF QISAS PUNISHMENT IN THE MALASIA'S LEGAL SYSTEM:
AN ANALYSIS OF ITS SUITABILITY***

ⁱ Mohamad Aliyuddin Mohd Nazir, ⁱ Muhammad Irfan Asyraf Ahmad, ⁱⁱ Muhammad Aizat Mohamad Paisal, ⁱⁱⁱ Muhammad Anas Mohd Shaiful Nizam, ^{iv} Hanif Azhari Md Diah, ^v Hasnizam bin Hashim & ^{vi} Syaryanti Hussin

^{i, ii, iii, iv, v, vi., vii} Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

Qisas punishment constitutes one of the important forms of implementing justice within the Islamic criminal law system, aiming to uphold justice for victims while simultaneously preserving social harmony. However, there remains confusion among certain segments of society in understanding qisas punishment, largely due to the limited discussion surrounding it, particularly in relation to its practicability within the Malaysian legal system. Therefore, this study aims to evaluate and analyse the wisdom behind the implementation of qisas punishment based on Islamic legal sources, as well as to assess its suitability from the perspective of justice. This study adopts a qualitative approach involving content analysis of scholarly literature, classical turath texts, and the views of both classical and contemporary Islamic scholars concerning the implementation and wisdom of qisas punishment, with particular emphasis on evaluating its compatibility with the Malaysian legal system. The findings indicate that qisas punishment is not merely an act of retribution, but rather an educational and crime-preventive mechanism grounded in the principles of justice, responsibility and compassion. Moreover, its implementation allows room for the concepts of forgiveness and financial compensation (*diyah*), symbolising a balance between individual rights and public interest in ensuring justice for crime victims. This study is significant in clarifying the wisdom and implementation of qisas punishment, which is often perceived as inhumane and irrelevant to contemporary circumstances, and in strengthening public understanding of the philosophy of Islamic law, which is frequently marginalised in mainstream discourse. Overall, the objective of implementing qisas not only reflects absolute justice but also demonstrates the meticulous nature of Islamic law in balancing the spiritual and social needs of humanity, thereby affirming its relevance within the contemporary legal context.

Keywords: *Qisas punishment, Legal system in Malaysia, Justice, Maqasid Syariah, Suitability analysis*

ABSTRAK

Hukuman qisas merupakan antara salah satu bentuk pelaksanaan keadilan yang penting dalam sistem perundangan jenayah Islam yang bertujuan untuk menegakkan keadilan terhadap mangsa dan juga memelihara keharmonian sosial dalam masa yang sama. Walau bagaimanapun, wujud kekeliruan sesetengah pihak dalam memahami hukuman qisas berikutan tidak banyak dibahaskan terutamanya dalam konteks kebolehlaksanannya dalam sistem perundangan di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai dan menganalisis hikmah pelaksanaan hukuman qisas berdasarkan sumber hukum Islam serta menilai kesesuaiannya daripada sudut keadilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan terhadap literatur ilmiah, kitab turath serta pandangan para sarjana Islam terdahulu dan kontemporari berkaitan pelaksanaan dan hikmah hukuman qisas khususnya dalam menilai kesesuaiannya dengan sistem perundangan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa hukuman qisas bukan hanya untuk pembalasan tetapi merupakan satu kaedah pendidikan dan pencegahan jenayah yang berasaskan prinsip keadilan, tanggungjawab dan ihsan. Selain itu, pelaksanaannya turut membuka ruang kepada konsep kemaafan serta denda sebagai simbol keseimbangan antara hak individu dan kemaslahatan umum demi memberikan keadilan terhadap mangsa jenayah. Kajian ini penting bagi memperjelas pelaksanaan hukuman qisas yang kadangkala dianggap tidak berperikemanusiaan serta tidak relevan dengan situasi semasa masyarakat dan pada masa yang sama memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap falsafah hukum Islam yang sering diketepikan dalam perbincangan arus perdana. Secara keseluruhannya, tujuan pelaksanaan qisas bukan sahaja menggambarkan keadilan yang mutlak tetapi turut mencerminkan ketelitian hukum Islam dalam menyeimbangkan keperluan rohani dan sosial manusia yang menjadikannya relevan dalam konteks perundangan semasa.

Kata kunci: *Hukuman Qisas, Sistem Perundangan di Malaysia, Keadilan, Maqasid Syariah, Analisis Kesesuaian*

Pengenalan

Ibnu Manzur (1999) menjelaskan bahawa *al-jinayah* dan *al-jarimah* dalam konteks perundangan Islam merujuk kepada maksud dan makna yang sama dari sudut bahasa dan istilah. Al-Mawardi menakrifkan jenayah sebagai setiap kesalahan menurut syariah yang boleh dihukum berdasarkan hukum Allah, sama ada melalui qisas, hudud atau takzir (Al-Mawardi, 1996). Dalam perspektif Islam, jenayah ialah salah satu kesalahan yang mesti dihukum kerana ia mencabuli hak Allah dan hak manusia atau makhluk lain. Islam menegaskan kepentingan lima perkara asas atau *al-Maqasid al-Syariah* iaitu agama, nyawa, akal, harta dan juga keturunan yang perlu dijaga serta pencabulan terhadapnya dianggap jenayah yang perlu ditangani (Fathi Yusof, 2015). Sebagai agama *rahmatan lil-'alamin*, Islam menuntut keamanan, ketenteraman dan keselamatan untuk semua insan bahkan terhadap mereka yang melakukan kesalahan serta melarang dari melakukan kejahatan dan pembalasan keatas seseorang. Menurut Husni (2025), segala ketetapan Allah SWT mengandungi kebaikan serta hikmah yang mendalam. Hukuman yang disyariatkan bukan bertujuan memudaratkan seseorang sebaliknya menjadi jalan untuk menjaga kemaslahatan dan memastikan keadilan terlaksana bagi semua pihak.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan mengenai hukuman keseksaan Islam pada masa kini kembali hangat dibincangkan, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, malah turut menarik perhatian masyarakat bukan Islam (Hasnizam Hashim et al., 2021). Antara isu yang sering dibahaskan oleh mereka yang kurang bersetuju dengan undang-undang hukuman jenayah Syariah adalah berkaitan dengan hak asasi individu. Selain itu, menurut Zurul Iman dan Zaini Nasohah (2019), terdapat juga kritikan yang sering menyentuh aspek perundangan yang dianggap tidak praktikal, kabur, lemah dan dilaksanakan secara tidak menyeluruh serta dilihat gagal mengekang perbuatan yang bercanggah dengan hukum syarak dalam masyarakat. Persepsi sedemikian menambahkan kekeliruan dan salah faham terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah syariah termasuk jenayah atau hukuman qisas.

Dalam konteks *Fiqh al-Jinayat*, Qisas adalah merupakan salah satu bentuk hukuman yang bertujuan memberikan keadilan kepada mangsa jenayah. Dalam konteks perundangan di Malaysia yang terdiri daripada sistem perundangan Syariah dan sivil, hukuman qisas dilihat sebagai satu bentuk hukuman yang kebolehlaksanaannya tertakluk kepada pertimbangan perundangan, perlembagaan serta bidang kuasa yang berbeza. Justeru, artikel ini akan membincangkan kosnep dan pelaksanaan hukuman qisas serta menganalisis kesesuaiannya dalam sistem perundangan di Malaysia dengan menilai prinsip keadilan, pencegahan jenayah dan pemeliharaan keharmonian sosial.

Kategori Hukuman Kesenakan Dalam Undang-Undang Jenayah Islam

Jenayah dalam Undang-Undang Islam boleh dikategorikan kepada tiga kategori utama berdasarkan bentuk hukuman yang dikenakan iaitu hudud, qisas dan takzir (Muhammad Abu Zahrah, 2006). Hudud merupakan jenayah yang hukumannya telah ditetapkan secara langsung oleh Allah SWT. Hukuman hudud wajib dilaksanakan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Menurut pendapat jumhur fuqaha, kesalahan yang termasuk dalam kategori hudud ialah zina, *qazaf*, mencuri, hirabah, minum arak dan murtad (Muhammad Salim al-‘Awwa, 1979). Kadar hukuman bagi kesalahan hudud telah ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak boleh diubah, ditambah atau dikurangkan. Ia bersifat kekal hingga hari kiamat dan dianggap sebagai hak Allah SWT yang bertujuan menjaga masalah umum dengan mencegah kemudaratan serta membawa kebaikan kepada masyarakat (Muhammad Salim al-‘Awwa, 1979).

Qisas ialah jenayah yang hukumannya ditetapkan berdasarkan prinsip balasan yang setimpal. Jenayah ini berkaitan dengan hak individu iaitu mangsa atau walinya, khususnya dalam kes pembunuhan dan kecederaan. Dalam pelaksanaannya, qisas memberikan hak kepada mangsa atau warisnya untuk memilih sama ada menuntut hukuman balas yang setimpal, menggantikannya dengan diyat atau memberikan kemaafan dan apabila penjenayah dimaafkan, maka gugurlah tuntutan hukuman qisas keatasnya (Muhammad Salim al-‘Awwa, 1979). Menurut Muhammad Abu Zahrah (t.t), kesalahan qisas adalah kesalahan yang melibatkan nyawa dan tubuh badan manusia dan ia boleh dikategorikan sebagai kesalahan pembunuhan sengaja, pembunuhan tidak sengaja atau tersalah serta semua bentuk kecederaan dengan kategori yang sama. Pensyariatan qisas bukan sahaja terdapat dalam al-Quran, bahkan turut disyariatkan dalam Kitab Taurat sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 45 (Hasnizam Hashim, 2021). Disamping itu, diyat pula merujuk kepada kadar pampasan atau bayaran tertentu yang dibayar oleh pelaku kepada keluarga mangsa. Ia berfungsi sebagai ganti rugi asal bagi jenayah membunuh atau mencederakan dengan kadar pembayaran yang berbeza mengikut bentuk kesalahan sama ada tidak sengaja atau separa sengaja (Paizah Haji Ismail, 2007).

Takzir merujuk kepada hukuman selain daripada hudud dan qisas yang tidak mempunyai ketetapan nas yang menentukan bentuk hukuman yang khusus (Muhammad Salim al- ‘Awwa, 1979). Menurut Hasnizam Hashim et al. (2021), hukuman takzir ditentukan oleh hakim atau pemerintah mengikut kesesuaian dengan berlandaskan prinsip hukum Syarak. Antara bentuk hukuman takzir termasuklah sebatan, penjara, denda, buang negeri serta hukuman yang berbentuk pemulihan dan menurut al-Fishni (2000), ruang lingkup hukuman takzir adalah sangat luas sehingga ia disebut sebagai hukuman alternatif bagi menggantikan hukuman hudud dan qisas yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan tidak cukup syarat-syarat pelaksanaan atau gugur salah satu daripada syarat-syarat tersebut.

Definisi Qisas dan Dalil Pensyariatannya

Qisas merujuk kepada pemberian balasan yang setimpal kepada pelaku dengan perbuatan yang sama yang dilakukannya terhadap mangsa (Muhammad Husni, 2025). Menurut Abdurrahman Madjrie dan Fauzan al-Anshari (2003), qisas ditakrifkan sebagai hukuman yang menyeimbangkan antara perbuatan jenayah dan pembelaannya dengan tujuan memastikan keselamatan nyawa serta kesempurnaan anggota badan manusia. Qisas dari sudut bahasa bermaksud persamaan atau mengikut. Berdasarkan makna ini, qisas bererti seseorang yang melakukan jenayah tertentu akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatannya terhadap mangsa. Sebagai contoh jika seseorang mencederakan orang lain, maka

hukuman qisasnya ialah dibalas dengan kecederaan yang sama (Abd Latif Muda & Rosmawati Ali, 1997).

Menurut Abdul Mujib (1994), qisas bermaksud hukuman yang dikenakan kepada pelaku sebagai pembalasan serupa dengan perbuatannya sama ada membunuh, melukakan atau merosakkan anggota badan berdasarkan ketentuan yang diatur oleh syarak. Manakala, menurut Ibnu Rusyd, qisas ialah pemberian balasan yang setimpal kepada seseorang yang menyebabkan kematian, mencederakan atau menghilangkan anggota badan orang lain sesuai dengan perbuatan yang telah dilakukannya. Oleh itu, hukuman qisas terbahagi kepada dua bentuk, yang pertama adalah qisas jiwa iaitu hukuman bunuh bagi kesalahan pembunuhan dan yang kedua adalah qisas anggota iaitu hukuman balas terhadap anggota badan yang dipotong atau dicerahkan.

Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman ;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى ۖ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ۚ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Terjemahan : *Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qishās berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pema'afan dari saudaranya, hendaklah (yang mema'afkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi ma'af) membayar (diyat) kepada yang memberi ma'af dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih (Surah al-Baqarah: 178)*

Dalam ayat yang lain pula, Allah SWT berfirman ;

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ ۖ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Terjemahan : *Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya bahwasanya jiwa dibalas dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka pun ada qisas-nya. Barangsiapa yang melepaskan hak qisas-nya, maka melepaskan hak itu menjadi penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. (Surah al-Maidah: 45)*

Berdasarkan ayat-ayat yang telah dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa qisas merupakan hukuman asas terhadap pelaku pembunuhan dan penganiyaan. Hukuman qisas juga boleh digantikan dengan diyat sekiranya terdapat kemaafan daripada pihak mangsa, sama ada daripada mangsa sendiri atau keluarganya.

Pembahagian Qisas

Hukuman jenayah qisas merupakan salah satu perintah agama dan harus dilaksanakan mengikut syariat yang ditetapkan. Secara asasnya, qisas terbahagi kepada dua bahagian iaitu qisas pembunuhan (*qisas fi al-nafs*) dan qisas selain pembunuhan (*qisas ghairu al-nafs*). Qisas pembunuhan ditakrifkan sebagai perbuatan manusia yang boleh menghilangkan nyawa seseorang. Terdapat pelbagai pandangan dalam kalangan fuqaha yang menjelaskan jenis-jenis qisas pembunuhan (Wan Hamat et al., 2021). Antaranya ialah, membunuh dengan sengaja, membunuh dengan separuh sengaja dan membunuh dengan tidak sengaja.

Pembunuhan Sengaja (Qatl al-‘Amd)

Menurut definisi umum, membunuh merupakan segala perbuatan jahat yang disengajakan dengan niat yang memberikan kesan kematian (Husni & Husni, 2022). Menurut Yusof (n.d.), membunuh dengan sengaja bermaksud apabila seseorang dengan sengaja serta berniat untuk menghilangkan nyawa seseorang yang tidak halal dibunuh bagi diri nya dengan menggunakan peralatan atau bahan yang boleh membunuh. Contoh peralatan yang boleh mematikan adalah pisau, parang, pedang, senapang atau senjata tajam atau lain-lain yang boleh mematikan.

Terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mensabitkan sesuatu pembunuhan sebagai pembunuhan sengaja. Antaranya adalah tertuduh merupakan mukallaf yang dewasa serta siuman, mangsa adalah manusia yang masih hidup dan tidak halal darahnya untuk dibunuh, peralatan atau cara yang digunakan mampu membunuh, pembunuhan dilakukan dengan sengaja dan akhir sekali kematian mangsa adalah berpunca daripada tindakan tertuduh atau penjenayah (Yusof, n.d.).

Pembunuhan Separuh Sengaja (Qatl syibhu al-‘Amd)

Menurut Imam Syafie, pembunuhan separuh sengaja ini adalah pembunuhan yang berlaku akibat pukulan yang disengajakan tetapi pukulan itu tidak bertujuan untuk membunuh (Yusof, n.d.). Sebagai contoh mangsa dipukul dengan sesuatu alat yang kebiasaannya tidak membawa kepada kematian tetapi perbuatan itu telah menyebabkan kematian. Takrifan ini menekankan kaitan antara niat perbuatan dan cara atau alat yang digunakan.

Pembunuhan Tanpa Sengaja (Qatl al- Khata’)

Pembunuhan ini adalah perbuatan yang bukan bertujuan untuk membunuh seseorang seperti kekeliruan atau perbuatan tersebut tidak sengaja mengakibatkan kehilangan nyawa seseorang. Ringkasnya, menurut Yusof (n.d.), ia merupakan perbuatan yang mengakibatkan kematian tetapi tidak dilakukan dengan niat membunuh. Para fuqaha turut membahagikan jenis pembunuhan tanpa sengaja ini kepada beberapa kategori. Antaranya adalah perbuatan dengan niat membunuh, tetapi bukan ditujukan kepada mangsa, perbuatan dengan niat membunuh dan ditujukan kepada mangsa namun tersalah anggap dan perbuatan bukan niat membunuh namun menyebabkan kematian si mangsa (Husni & Husni, 2022).

Qisas Selain Pembunuhan

Qisas selain pembunuhan merujuk kepada jenayah mencederakan orang lain. Jenayah ini ditakrifkan sebagai perbuatan jahat dengan cara memukul atau memotong dengan niat mencedarakan yang tidak menyebabkan kematian. Mencederakan ditakrifkan sebagai perbuatan melukakan, mencacatkan atau menyakitkan ke atas mana-mana bahagian badan (Husni & Husni, 2022).

Pelaku akan dikenakan hukuman ke atas anggota atau mana-mana bahagian badan yang dcederakan terutamanya apabila kelakuan tersebut dilakukan dengan sengaja. Contohnya, mencederakan dengan sengaja ke atas anggota seperti jari tangan dan kaki, mata, hidung, telinga, tangan, kaki dan kemaluan. Maka hukuman qisas dijatuhkan pada jenis yang sama. Sebagai contoh, tangan kanan dengan tangan kanan.

Hikmah Pelaksanaan Qisas

Setiap ketetapan perundangan dan peraturan yang disyariatkan Allah kepada umat manusia tidak didatangkan dengan sia-sia, bahkan semuanya membawa kebaikan dan menghasilkan manfaat kepada kehidupan manusia sejagat (Abdul Qadir ‘Audah t.t.) At-Tasyri’ Al-Jinaiy Al-Islami, muqorinan bi Al-Qanun Al-Wad’I. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Ghazaly (1985).

Hikmah undang-undang jenayah Islam adalah untuk mencegah orang ramai daripada melakukan jenayah, melindungi keamanan masyarakat, serta menjadi jalan untuk membersihkan diri daripada dosa. Di antara rahmat Allah S.W.T. ialah mensyari'atkan hukuman jenayah yang berlaku antara manusia, sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain pada jiwa, tubuh badan, harta benda, kehormatan,

pembunuhan, pencederaan, menuduh zina (qadhaf), mencuri maka Allah S.W.T. telah menghukum bentuk-bentuk tegahan untuk menahan daripada melakukan jenayah yang merupakan matlamat hukum dan mensyari'atkan hukuman dalam bentuk yang sebaik-baiknya, yang mengandungi kemaslahatan, tegahan dan pembasmian, di samping tidak melampaui kadar yang sepatutnya ditanggung oleh penjenayah daripada tegahan itu. (Ibnu Taimiyah Taqiyuddin Ahmad, 2001)

Oleh sebab itu, Allah S.W.T. tidak mensyari'atkan hukuman berbohong dengan memotong lidah dan tidak pula dibunuh, hukuman berzina tidak pula disembelih, hukuman mencuri tidak pula dibunuh. Sebaliknya Allah S.W.T. mensyari'atkan kepada mereka tentang hukuman tersebut dengan memastikan nama dan sifatnya termasuk dalam hikmat dan rahmat-Nya, kelembutan, keihsanan dan keadilan-Nya agar menghilangkan bala atau celaka dan melenyapkan kezaliman dan permusuhan, dan semua insan berpuas hati dengan apa yang dikurniakan oleh Malik dan Khaliqnya. Dengan itu manusia tidak sewenang-wenangnya merampas hak orang lain. Justeru, bolehlah disimpulkan bahawa antara hikmah yang nyata dari pelaksanaan hukuman qisas Islam adalah :

Menjaga Dan Melindungi Nyawa

Qisas berperanan sebagai pencegahan jenayah seperti pembunuhan, kerana seseorang akan berfikir dua kali sebelum membunuh jika mengetahui balasan yang setimpal menantinya. Ia menjamin keselamatan nyawa manusia, sebagaimana disebut dalam Surah al-Baqarah (2:179) bahawa "dalam qisas itu ada kehidupan"

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Terdapat 'keamanan' hidup bagi kamu dalam 'hukum' pembalasan, wahai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa kepada Allah”. (Surah al-Baqarah:179)

Mendidik Pelaku dan Masyarakat

Hukuman qisas berperanan sebagai instrumen pendidikan sosial yang bertujuan membentuk disiplin moral dalam kalangan masyarakat. Pelaksanaannya mendidik individu agar tidak melampaui batas serta menghormati hak dan maruah sesama manusia. Pelaksanaan hukum qisas berfungsi sebagai medium pendidikan sosial yang menekankan nilai murni setiap nyawa manusia, di mana pencabulan terhadapnya adalah dilarang kecuali atas alasan syarak yang sah. Berdasarkan tafsir Surah al-Baqarah ayat 179 hingga 182, khususnya ayat 179, Allah SWT menegaskan bahawa di sebalik ketegasan qisas, terdapat jaminan kelangsungan hidup bagi masyarakat yang berfikiran waras.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah 2:179

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٧٩

Ianya bermaksud: “Dan di dalam hukuman Qisas itu ada (jaminan) hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal.” dan menjelaskan aspek pendidikan sosialnya.

Firman Allah SWT juga:

مَنْ أَجَلٍ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَى بَنِي إِسْرَءِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ
النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ
بَعْدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ٣٢

Maksudnya: “Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) Yang demikian itu Kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa Yang membunuh seorang manusia Dengan tiada alasan Yang

mbolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah Dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa Yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah Dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. dan Demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul Kami Dengan membawa keterangan Yang cukup terang; Kemudian, Sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang Yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.” (al-Quran, al-Maidah 5:32).

Ayat ini memberi gambaran bahawa kejinya suatu kesalahan membunuh secara sengaja walaupun hanya membunuh seorang sahaja, pembunuh tersebut seolah-olah membunuh semua manusia. Sesuai dijelaskan di sini selagi pembunuh itu masih bebas dan tidak dikenakan hukuman yang setimpal, dia akan terus melakukan kesalahan dan mencari mangsa lain untuk dibunuhnya.

Oleh itu, ia digambarkan seperti telah membunuh semua manusia kerana dia telah mencero bohi hak seseorang untuk hidup dalam keadaan aman damai. Barang siapa yang memusuhi kehidupan seseorang seolah-olah dia telah mencero bohi hak orang ramai untuk hidup. Ayat ini juga menjelaskan bahawa dengan menjalankan hukuman qisas ini, seolah-olah telah memberi kehidupan baru kepada semua orang. Hal ini kerana, apabila pembunuh itu telah dikenakan hukuman qisas bunuh, maka secara langsung atau tidak langsung telah dapat menyelamatkan bakal mangsa pembunuhan yang seterusnya daripada kekejaman penjenayah tersebut. Apabila terlaksananya hukuman qisas ini, maka semangat dan kekuatan waris-waris dapat dipulihkan setelah mereka kecewa dan patah hati kerana kematian anaknya yang dibunuh oleh penjenayah itu.

Menegakkan Keadilan

Pelaksanaan hukuman qisas berfungsi sebagai mekanisme untuk menegakkan keadilan berasaskan prinsip kesetaraan antara kesalahan dan hukuman yang dijatuhkan. Ia memastikan bahawa hak mangsa serta keluarga mangsa terpelihara daripada sebarang bentuk kezaliman, di samping mencegah berlakunya tindakan membalas dendam secara tidak terkawal yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian masyarakat. Menurut Abdul Qadir Audah (1994), beliau menjelaskan bahawa pelaksanaan qisas bertujuan menegakkan keadilan yang seimbang dan mengelak tindakan membalas dendam yang boleh menimbulkan kekacauan sosial.

Imam al-Baidawi berkata: “Kalimah *al-qisas dita’rifkan* dan *hayah dinakirahkan*, untuk merujuk kepada hukum yang menjamin suatu bentuk kehidupan yang lebih signifikan. Itu kerana seseorang yang ingin membunuh akan mencegah dirinya daripada membunuh apabila mengetahui hukum tersebut lalu menjadi sebab terjaminnya dua nyawa di situ (mangsa dan pembunuh). Ini juga kerana (pada zaman Jahiliyyah) mereka akan membunuh semua orang (yakni kabilah si pembunuh itu). Dibunuh satu kumpulan atas kesalahan seorang sahaja. Maka ini akan mendatangkan fitnah kekacauan antara pihak-pihak yang terlibat. Justeru, apabila qisas hanya berlaku kepada pembunuh sahaja, maka selamatnya orang lain dan inilah sebab bagi keselamatan nyawa mereka.” (Lihat *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*, 1/122)

Qisas merupakan ketetapan syara’ yang telah disyari’atkan berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى ۚ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman Qisas (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan.” (Surah al-Baqarah: 178)

Ia tidak lain bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya kekacauan, kacau-bilau dan tersebar budaya jenayah yang merupakan salah satu hasutan syaitan kepada pengikutnya. Kerana itulah Allah SWT berpesan di dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.” (Surah al-Baqarah: 208)

Menstabilkan Keamanan Sosial

Pelaksanaan hukuman qisas secara adil berperanan penting dalam mewujudkan kestabilan dan ketenteraman sosial. Melalui keadilan yang ditegakkan, masyarakat akan memperoleh keyakinan terhadap sistem perundangan Islam yang bersifat saksama serta menghormati hak individu tanpa sebarang pilih kasih. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2021), pelaksanaan hukuman qisas berfungsi mengekalkan keharmonian masyarakat dan mengukuhkan kepercayaan terhadap sistem keadilan Islam secara menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, antara hikmah utama hukuman ini adalah untuk melindungi negara daripada jenayah pembunuhan kejam terhadap mangsa yang tidak bersalah serta menyekat penularan keganasan. Secara sosiologinya, qisas bertindak sebagai benteng yang menghalang kemusnahan institusi keluarga, seperti keadaan di mana wanita kehilangan suami (menjadi janda) dan anak-anak kehilangan ibu bapa (menjadi yatim piatu) akibat jenayah pembunuhan yang tidak terkawal (Kementerian Wakaf dan Urusan Islam Kuwait, 1983). Sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (3/171), pensyariatan hukuman ini adalah untuk menjamin kelangsungan hidup manusia (*hifz al-hayah*) dan mencegah kerosakan yang lebih besar di muka bumi.

Syeikh ‘Abdullah bin ‘Abd al-Rahman al-Bassam berkata, lebih dari seorang ulama’ telah meriwayatkan ijma’ tentang pensyari’atan hukuman ini, dan ia adalah sesuatu yang semestinya diketahui dalam agama. Kalau tidak kerana hukuman *al-qisas*, dan jika tidak kerana hukuman kepada pelaku jenayah, pasti manusia akan membinasakan sesama mereka sendiri, dan dengan itu juga aturan kehidupan alam juga akan menjadi rosak. Maka, tidak boleh tidak perlunya ada hukuman yang menghalang mereka, dan menjadikan pelakunya dihukum sebagai amaran kepada sesiapa yang ingin melakukan perkara yang sama. (Lihat *Taudhih al-Ahkam min Bulugh al-Maram*, 6/73)

Inilah antara hikmah yang disebutkan oleh para ilmuwan tentang hikmah pensyari’atan hukuman bunuh dibalas bunuh ini. Adapun tidak membalas kemudharatan dengan kemudharatan yang lain, benar ia disebutkan dalam hadith Abu Sa’id al-Khudri R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak ada mudharat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudharatan.”

Riwayat Ahmad (2865) dan Ibn Majah (2340)

Halangan Pelaksanaan Qisas

Kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan qisas dalam sistem jenayah Islam kini menghadapi cabaran besar yang bersifat sistematik dan praktikal, meskipun prinsipnya jelas berasaskan keadilan dan pemeliharaan nyawa. Di peringkat perundangan, banyak negara Muslim masih menggunakan sistem undang-undang sivil yang diwarisi dari era kolonial yang tidak selari sepenuhnya dengan prinsip Syariah. Sebagai contoh, kuasa mahkamah syariah dalam beberapa negara terhad hanya kepada kes kekeluargaan dan harta, manakala jenayah berat seperti pembunuhan dikendalikan oleh mahkamah

awam. Kajian di Makassar mendedahkan bahawa ketidakseragaman struktur kehakiman menyebabkan qisas ini hanya dilihat sebagai sebuah ideal hukum sahaja dan bukan realiti praktikal dalam sistem moden (Amini, 2024).

Selain itu, aspek pembuktian menjadi halangan yang signifikan. Qisas memerlukan tahap pembuktian yang sangat tinggi seperti saksi yang adil, pengakuan tanpa keraguan ataupun bukti lain yang tidak bercanggah untuk mengelakkan sebarang kehilangan nyawa yang tidak sepatutnya. Dalam konteks moden, banyak kes pembunuhan melibatkan bukti saintifik seperti forensik, DNA, kamera dan teknologi digital yang tidak selalu mudah diselaraskan dengan kaedah tradisional fiqh (Suarning et al., 2024). Walaupun sebahagian sarjana kontemporari menyokong penggunaan bukti saintifik dalam qisas dengan syarat ia memenuhi keadilan maqasid. Namun masih terdapat kebimbangan jika wujud manipulasi ataupun kesilapan teknikal yang boleh menjejaskan keabsahan hukuman qisas.

Dari segi sosial, persepsi masyarakat terhadap qisas sering menjadi penghalang kepada penerimaannya. Ramai melihat qisas sebagai hukuman keras atau kejam kerana tidak memahami tujuan Syariah yang lebih luas termasuk pemaafan (al-‘afw), diyat dan pemulihan hubungan antara ahli keluarga mangsa dan pelaku (Zakaria & Nasohah, 2019). Penolakan ini sering dibentuk oleh perbincangan hak asasi manusia ala Barat dan kefahaman dangkal masyarakat terhadap syariat jenayah Islam. Kajian di negeri-negeri tertentu juga menunjukkan bahawa kekurangan pendidikan fiqh dalam kalangan masyarakat menyebabkan rendahnya potensi pemahaman terhadap kebijaksanaan qisas sebagai alat keadilan dan pencegahan.

Negara-negara Islam yang bergantung kepada hubungan diplomatik dan ekonomi dengan kuasa Barat mungkin menghadapi tentangan terhadap hukuman seperti qisas, terutamanya apabila ia dikaitkan dengan isu hak asasi manusia (Ahmad, 2016). Kajian kontemporari menegaskan bahawa sesetengah negara terpaksa menimbang semula pelaksanaan qisas demi menjaga imej antarabangsa atau mengelak kecaman luar. Tambahan pula, kestabilan politik memainkan peranan besar dalam sistem kehakiman yang belum mantap. Konflik dalaman dan perubahan pentadbiran boleh menangguhkan reformasi undang-undang yang diperlukan untuk merealisasikan pelaksanaan qisas (Moazzam & Attirmidzi, n.d.).

Akhir sekali, kelemahan institusi penguatkuasaan menjadi masalah kritikal. Pelaksanaan qisas memerlukan tenaga kehakiman yang mempunyai kepakaran fiqh jenayah Islam serta sistem penyiasatan yang mampu memenuhi piawaian syariah. Namun, kajian mendapati bahawa banyak negara kekurangan pakar syariah dalam barisan pendakwa, hakim, dan penyiasat jenayah yang sekali gus menyukarkan pelaksanaan qisas secara adil dan konsisten. Logistik, latihan dan modul penyiasatan berdasarkan prinsip Islam juga masih tidak mencukupi menyebabkan potensi penyalahgunaan atau ketidakadilan dalam prosedur qisas. Oleh itu, transformasi menyeluruh sangat diperlukan bukan hanya sekadar dari segi undang-undang sahaja tetapi dari segi pendidikan dan juga institusi supaya qisas ini tidak sekadar menjadi konsep teoretikal tetapi boleh dilaksanakan dengan penuh keadilan, ketelusan dan selaras dengan maqasid Syariah.

Pandangan Para Fuqaha’ Mengenai Pelaksanaan Qisas

Terdapat persetujuan yang mendalam dalam kalangan ulama terdahulu dan kontemporari bahawa qisas adalah satu ketetapan syariah yang sangat penting, tetapi mereka berbeza dari segi pendekatan pelaksanaannya dalam konteks moden. Dari sudut tradisional, ulama terdahulu menegaskan bahawa qisas adalah hak yang sabit dalam al-Quran dan Sunnah, dan hukuman ini mempunyai fungsi moral dan sosial yang besar. Sebagai contoh, ulama terdahulu melihat qisas ini bukan sekadar pembalasan tetapi pencegahan kezaliman serta pendidikan masyarakat supaya menghargai kesucian nyawa dan bertanggungjawab terhadap tindakan jenayah (Suarning et al., 2024).

Mazhab-mazhab fiqh empat (Hanafi, Maliki, Syafi ‘i, Hanbali) memberikan penekanan yang sedikit berbeza dalam syarat pelaksanaan qisas. Misalnya, beberapa mazhab lebih menitikberatkan kehadiran saksi dan kejelasan pengakuan, manakala yang lain pula membenarkan qarinah (petunjuk) dalam

keadaan tertentu (Karim et al., 2017). Kajian berpandukan norma moden juga menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah kekayaan metodologi fiqh yang mana ia membenarkan fleksibiliti agar qisas dapat disesuaikan dengan realiti sosial tanpa mengorbankan prinsip asas keadilan (Shittu, 2025).

Dalam pendekatan ulama kontemporari, tokoh seperti Yusuf al-Qaradawi dan wahbah al-Zuhayli memberi penilaian baharu terhadap pelaksanaan qisas. Mereka menegaskan bahawa qisas masih sangat relevan dalam sistem perundangan Islam hari ini tetapi mesti dipraktikkan dengan mengambil kira maqasid Syariah terutamanya hifz al-nafs (pemeliharaan nyawa) dan masalah masyarakat (Saifuddin et al., 2025). Menurut mereka, qisas tidak semestinya dijalankan dalam bentuk literal yang kaku. Sebagai contoh, pemaafan (al-'afw) dan diyat boleh dijadikan pilihan yang seiring prinsip Syariah dan semangat perdamaian. Pendekatan ini dilihat sebagai lebih berperikemanusiaan dan sesuai dengan perubahan masyarakat moden (Amini, 2024).

Lagi pula, dalam wacana kontemporari terdapat juga kebimbangan terhadap risiko kesalahan dalam sistem kehakiman jika qisas ini diterapkan tanpa mekanisme perlindungan yang kukuh. Beberapa ulama berpendapat bahawa institusi kehakiman perlu terlebih dahulu memperkukuh keadilan proses dan integriti penyiasatan sebelum melaksanakan hukuman qisas yang serius (Moazzam & Attirmidzi, n.d.). Dalam banyak analisis, qisas dilihat sebagai hukuman akhir yang idealnya hanya digunakan apabila semua syarat pembuktian dipenuhi dan apabila pilihan pemaafan atau diyat telah dipertimbangkan (Zakaria & Nasohah, 2019).

Kesimpulannya, pandangan ulama tidak menunjukkan penolakan terhadap qisas sebagai sistem hukuman malah mereka menyeru kepada pelaksanaan yang lebih matang, adil dan disesuaikan dengan masalah masyarakat. Pendekatan mereka menekankan bahawa untuk mewujudkan sistem qisas yang benar-benar berkesan dan bermoral, perlu ada kerjasama antara tradisi fiqh, pengukuhan institusi dan kesedaran sosial. Inilah pandangan ilmiah yang memberikan asas kukuh bagi usaha reformasi undang-undang jenayah Islam agar qisas bukan hanya ideal moral, tetapi juga praktikal dalam realiti semasa (Suarning et al., 2024).

Aplikasi Dan Kerelevanan Qisas Dalam Konteks Perundangan di Malaysia

Kedudukan Qisas Dalam Struktur Perundangan Malaysia

Di Malaysia, pelaksanaan hukuman qisas tidak dilaksanakan seperti mana yang dijelaskan oleh fuqaha klasik kerana struktur perundangan negara ini berteraskan *Kanun Keseksaan* dan prinsip undang-undang sivil. Oleh itu, hukuman terhadap kesalahan yang menyebabkan kematian atau kecederaan dilaksanakan melalui konsep kesesuaian jenayah dan tort, bukan prinsip al-mumathalah seperti dalam qisas (Ibrahim, 2015). Hal ini menjadikan pelaksanaan qisas sebagai hukuman fizikal tidak selaras dengan standard perundangan kontemporari (Auda, 2008). Justeru, meskipun qisas tidak diaplikasikan secara langsung, kedudukannya sebagai mekanisme keadilan tetap tercermin melalui pendekatan restoratif dan hukuman terhadap kecuaiian yang wujud dalam sistem perundangan Malaysia.

Pelaksanaan Qisas Terhadap Kecederaan dan Kehilangan Anggota Dalam Fiqh Islam

Fiqh jinayah Islam menetapkan bahawa qisas terhadap kecederaan atau kehilangan anggota hanya boleh dilaksanakan apabila wujud unsur sengaja ('amd), anggota yang cedera dapat dikenal pasti dengan jelas, dan pelaksanaannya tidak membawa mudarat yang lebih besar kepada pelaku (Al-Zuhayli, 2011). Prinsip kesetaraan (al-musawah) menjadi syarat utama agar balasan benar-benar setimpal dengan kecederaan mangsa (Kamali, 2019). Namun, pelaksanaan qisas anggota sering berdepan kekangan praktikal kerana kecederaan manusia tidak semestinya dapat ditiru semula dengan tepat tanpa risiko kematian atau kerosakan tambahan. Oleh sebab itu, dalam konteks sejarah mahupun amalan kontemporari, ramai fuqaha lebih memilih penyelesaian melalui diat apabila ketepatan pelaksanaan qisas diragui (Al-Qaradawi, 1997). Hal ini menunjukkan fleksibiliti syariah dalam memastikan keadilan dicapai tanpa menzalimi mana-mana pihak.

Mekanisme Undang-Undang Malaysia Sebagai Bayangan Tujuan Qisas

Walaupun pelaksanaan qisas tidak diinstitusikan secara formal dalam sistem perundangan Malaysia, prinsip dan objektifnya tetap tercermin melalui mekanisme undang-undang sedia ada. Sebagai contoh, Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman terhadap kesalahan kecuaiian jalan raya yang mengakibatkan kecederaan atau kematian. Peruntukan ini berfungsi sebagai mekanisme pencegahan yang selari dengan tujuan qisas, iaitu menghalang kezaliman serta memastikan keadilan sosial (Karim et al., 2017). Selain itu, sistem tort, insurans, dan takaful menyediakan ruang pampasan yang membolehkan mangsa mendapat pemulihan kewangan, selari dengan prinsip keadilan restoratif dalam syariah. Mekanisme ini secara praktikal mengisi ruang keadilan yang ditinggalkan oleh ketiadaan qisas, dan menunjukkan bahawa tujuan syariah boleh dicapai melalui instrumen perundangan moden tanpa perlu mengekalkan bentuk hukuman fizikal klasik.

Analisis Maqasid Syariah Terhadap Relevansi Qisas di Malaysia

Dari sudut maqasid syariah, tujuan utama qisas ialah memelihara nyawa (hifz al-nafs), mengelakkan penindasan, memulihkan hak mangsa, dan menanamkan rasa tanggungjawab dalam masyarakat (Auda, 2008). Pelaksanaan objektif ini tidak bergantung semata-mata kepada bentuk hukuman balasan fizikal, tetapi kepada keberkesanan sesuatu sistem dalam melindungi masyarakat dan memulihkan kerosakan. Undang-undang Malaysia, melalui gabungan mekanisme hukuman terhadap kecuaiian, pampasan, dan insurans, memenuhi fungsi ini meskipun tidak meniru bentuk qisas secara literal. Oleh itu, kerelevanan qisas di Malaysia perlu difahami dalam konteks falsafahnya, bukan bentuk pelaksanaannya. Ini membuka ruang integrasi antara nilai syariah dan sistem undang-undang moden bagi mencapai keadilan yang bersifat holistik dan bersesuaian dengan realiti semasa.

Kesimpulan dan Cadangan Penambahbaikan

Secara keseluruhannya, hukuman dalam Islam tidak bertujuan membalas dendam atau menzahirkan kemarahan, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme pemulihan, pendidikan dan pencegahan. Mana-mana tindakan melaksanakan hukuman bunuh dengan niat memenuhi hawa nafsu atau kepentingan peribadi dianggap berdosa kerana ia bertentangan dengan objektif qisas yang dibina atas asas keadilan dan pemulihan masyarakat. Prinsip ini menegaskan bahawa hukuman syariah bukan sekadar balasan, tetapi satu proses membentuk kembali akhlak dan menjaga ketenteraman awam.

Dalam kerangka perundangan Islam, hukuman qisas merupakan hukuman asal yang ditetapkan melalui nas bagi kesalahan pembunuhan atau kecederaan yang disengajakan. Ia hanya dilaksanakan apabila semua syarat pelaksanaan dipenuhi seperti kepastian kesalahan dan ketiadaan unsur syubhah. Jika terdapat halangan syarak atau syarat tidak mencukupi, maka hukuman qisas digantikan dengan diyat mengikut kadar tertentu yang telah ditetapkan. Gantian seperti ini merupakan ciri khas dalam kes qisas, menunjukkan bahawa syariah memberi ruang keadilan yang seimbang antara kepastian hukuman dan perlindungan terhadap sebarang bentuk ketidakadilan.

Dalam masa yang sama, Islam menegaskan bahawa nyawa manusia ialah hak asas yang wajib dipelihara, kerana ia merupakan anugerah dan kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah. Larangan membunuh diri sendiri atau orang lain membawa mesej jelas bahawa kehidupan manusia berada di bawah perlindungan syariat. Namun, Islam tetap memberi ruang kepada hukuman qisas kerana ia melibatkan hak mangsa atau wali. Setelah hakim mensabitkan kesalahan, wali berhak memilih sama ada menuntut qisas atau memaafkan dan menerima diat. Pilihan ini menunjukkan keseimbangan antara keadilan, belas kasihan dan pemulihan yang menjadi tunjang dalam hukum jenayah Islam.

Dalam konteks perundangan di Malaysia, qisas dilihat sebagai suatu mekanisme yang berpotensi untuk dilaksanakan, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan kecederaan akibat kemalangan jalan raya. Walaupun istilah 'qisas' tidak digunakan secara langsung dalam kerangka perundangan sedia ada, namun roh atau spirit of qisas dapat diterapkan melalui pelaksanaan prinsip keadilan restoratif, pampasan, dan liabiliti sivil. Pendekatan ini membolehkan keadilan diberikan kepada mangsa tanpa

mengabaikan aspek kemanusiaan terhadap pelaku, di samping menekankan unsur tanggungjawab, pencegahan dan pemulihan. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai qisas secara substantif ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan Islam bukanlah bersifat kaku atau semata-mata berorientasikan pembalasan, sebaliknya fleksibel dan relevan untuk disesuaikan dengan keperluan sistem perundangan moden di Malaysia.

Qisas punishment constitutes one of the important forms of implementing justice within the Islamic criminal law system, aiming to uphold justice for victims while simultaneously preserving social harmony. However, there remains confusion among certain segments of society in understanding qisas punishment, largely due to the limited discussion surrounding it, particularly in relation to its practicability within the Malaysian legal system. Therefore, this study aims to evaluate and analyse the wisdom behind the implementation of qisas punishment based on Islamic legal sources, as well as to assess its suitability from the perspective of justice. This study adopts a qualitative approach involving content analysis of scholarly literature, classical turath texts, and the views of both classical and contemporary Islamic scholars concerning the implementation and wisdom of qisas punishment, with particular emphasis on evaluating its compatibility with the Malaysian legal system. The findings indicate that qisas punishment is not merely an act of retribution, but rather an educational and crime-preventive mechanism grounded in the principles of justice, responsibility and compassion. Moreover, its implementation allows room for the concepts of forgiveness and financial compensation (*diyah*), symbolising a balance between individual rights and public interest in ensuring justice for crime victims. This study is significant in clarifying the wisdom and implementation of qisas punishment, which is often perceived as inhumane and irrelevant to contemporary circumstances, and in strengthening public understanding of the philosophy of Islamic law, which is frequently marginalised in mainstream discourse. Overall, the objective of implementing qisas not only reflects absolute justice but also demonstrates the meticulous nature of Islamic law in balancing the spiritual and social needs of humanity, thereby affirming its relevance within the contemporary legal context

Hukuman qisas merupakan antara salah satu bentuk pelaksanaan keadilan yang penting dalam sistem perundangan jenayah Islam yang bertujuan untuk menegakkan keadilan terhadap mangsa dan juga memelihara keharmonian sosial dalam masa yang sama. Walau bagaimanapun, wujud kekeliruan sesetengah pihak dalam memahami hukuman qisas berikutan tidak banyak dibahaskan terutamanya dalam konteks kebolehlaksanannya dalam sistem perundangan di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai dan menganalisis hikmah pelaksanaan hukuman qisas berdasarkan sumber hukum Islam serta menilai kesesuaiannya daripada sudut keadilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan terhadap literatur ilmiah, kitab turath serta pandangan para sarjana Islam terdahulu dan kontemporari berkaitan pelaksanaan dan hikmah hukuman qisas khususnya dalam menilai kesesuaiannya dengan sistem perundangan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa hukuman qisas bukan hanya untuk pembalasan tetapi merupakan satu kaedah pendidikan dan pencegahan jenayah yang berasaskan prinsip keadilan, tanggungjawab dan ihsan. Selain itu, pelaksanaannya turut membuka ruang kepada konsep kemaafan serta denda sebagai simbol keseimbangan antara hak individu dan kemaslahatan umum demi memberikan keadilan terhadap mangsa jenayah. Kajian ini penting bagi memperjelas pelaksanaan hukuman qisas yang kadangkala dianggap tidak berperikemanusiaan serta tidak relevan dengan situasi semasa masyarakat dan pada masa yang sama memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap falsafah hukum Islam yang sering diketepikan dalam perbincangan arus perdana. Secara keseluruhannya, tujuan pelaksanaan qisas bukan sahaja menggambarkan keadilan yang mutlak tetapi turut mencerminkan ketelitian hukum Islam dalam menyeimbangkan keperluan rohani dan sosial manusia yang menjadikannya relevan dalam konteks perundangan semasa

Rujukan

Al-Qur'ān al-Karīm.

- Al-Fishni. (2000). *Tuhfah al-ḥabīb sharḥ naẓm ghāyah al-taqrīb*. Dār al-Maṭba‘ah.
- Al-Jaziri, A. (2003). *Kitāb al-fiqh ‘alā al-madhāhib al-arba‘ah* (Vol. 5). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, A. H. (1996). *Al-aḥkām al-sulṭāniyyah*. Ta-Ha Publishers Ltd.
- Al-Qaradawi, Y. (1997). *Fiqh al-jināyah fī al-islām*. Maktabah Wahbah.
- Al-Zuhayli, W. (2011). *Al-fiqh al-islāmī wa adillatuhu* (Vol. 6). Dār al-Fikr.
- Abd Latif Muda, & Rosmawati Ali @ Mat Zin. (1997). *Pengantar fiqh*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdul Mujib. (1994). *Kamus istilah fiqh*. Pustaka Firdaus.
- Ahmad, M. (2016). International pressure and the implementation of hudud laws in Malaysia. *IJUM Law Journal*, 24(2), 233–250.
- Ahmad Muhammad Husni. (2025). Qisas dalam syaria Islamiah antara pengakuan dan pembatalan. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 24.
- Amini, K. (2024). Investigating the implementation of the rules of Islamic criminal law in Afghanistan. *Integrated Journal for Research in Arts and Humanities*, 4(5), 71–76. <https://doi.org/10.55544/ijrah.4.5.10>
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri. (2024, December 10). *Hukuman qisas dan hikmah pelaksanaannya*. <https://zulkiflialbakri.com/7723-hukuman-qisas-dan-hikmah-pelaksanaannya/>
- Hasnizam bin Hashim, Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail, Zulfaqar bin Mamat, Ahmad Shukran bin Baharuddin, Lukman bin Abdul Mutalib, & Norma Jusof. (2021). Salah faham terhadap konsep hukuman keseksaan dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia: Suatu penjelasan daripada perspektif al-Quran dan al-Sunnah. In *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Husni, A. B. M., & Husni, A. B. M. (2022). Qisas dalam syaria Islamiah antara pengakuan dan pembatalan. *Journal of Education and Social Sciences*, 19(1), 15–16. <https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2022/03/JESOC19-203.pdf>
- Husni, A., Muhammad, A., & Kolej Dar Al-Hikmah. (n.d.). *Qisas dalam syaria Islamiah antara pengakuan dan pembatalan*. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 24. <https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2025/04/PICCWED20-201.pdf>
- Ibnu Manẓūr, A. al-F. J. b. M. (1999). *Lisān al-‘Arab*. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Rushd. (n.d.). *Bidāyat al-mujtahid*. Pustaka Aman.
- Ibrahim, A. (2015). *The Malaysian legal system* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamali, M. H. (2019). *Crime and punishment in Islamic law: A fresh interpretation*. Oxford University Press.
- Karim, R., Newaz, S., & Kabir, A. I. (2017). A comparative analysis of retributive justice and the law of qisas. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 169–177. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp169-177>
- Madjrie, A., & Fauzan al-Anshari. (2003). *Qisas: Pembalasan yang hak*. Khairul Bayan.

- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Hudud: Satu penjelasan*. Majlis Agama Islam Selangor.
- Moazzam, D., & Attirmidzi, G. A. (n.d.). Analysis of the application of qīṣāṣ in murder cases: A normative study of the views of the four schools of thought. *SYARIAT Journal*. <https://doi.org/10.35335/emtjxt07>
- Muhammad Abu Zahrah. (2006). *Al-jarīmah wa al-‘uqūbah fī al-fiqh al-islāmī*. Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Muhammad Fathi Yusof. (2015). Maqasid syariah dalam pelaksanaan hukuman hudud ke atas pesalah zina. In *Maqasid syariah & sains* (pp. 41–64). UTM Press.
- Muhammad Salim al-‘Awwa. (1979). *Fī uṣūl al-nizām al-jinā’ī*. Dār al-Ma‘ārif.
- Nik Wajis, N. R., Hamad, H. A. K., Mohamed Zain, L., Abd Mutalib, L., Mohd Syahid, M., & Abd. Rob, M. A. (2016). *Al-muyassar fī fiqh al-jināyāt*. Penerbit USIM.
- Othman Hj. Ishak. (1981). *Fatwa dalam perundangan Islam*. Penerbit Fajar Bakti.
- Paizah Haji Ismail. (2007). Kedudukan mazhab Syafi’i dalam undang-undang jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, (4), 237–250.
- Paizah Ismail. (1996). *Undang-undang jenayah Islam*. Dewan Pustaka Islam.
- Said Ibrahim. (1996). *Qanun jenayah syariah dan sistem kehakiman dalam perundangan Islam berasaskan al-Quran dan hadis*. Darul Ma‘rifah.
- Shittu, A. D. (2025). The implications of qīṣāṣ on justice and social harmony in Nigeria. *Al-Iqro’: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 51–63. <https://doi.org/10.54622/aijis.v2i1.435>
- Suarning, S., Islamul Haq, F., Fikri, F., Aminah, S., & Zulfahmi, Z. (2024). The relevance and application of qisas in contemporary contexts: A Qur’an perspective. *Al-Qalam*, 31(2). <https://doi.org/10.31969/alq.v31i2.1658>
- Wan Hamat, W. N., Sulaiman, N., & Ubaidillah, H. (2021). *Hukum jenayah Islam* [E-book].
- Yusof, M. F. (n.d.). *Undang-undang jenayah Islam*.
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13–26. <https://doi.org/10.33102/mjssl.v7i2.188>
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). The challenges of implementing the enforcement of syariah criminal law in Malacca. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13–26. <https://doi.org/10.33102/mjssl.v7i2.188>
- Zulkifli Hasan. (2007). *Isu undang-undang jenayah Islam di Malaysia dan sejauh manakah perlaksanaannya* [Unpublished manuscript]. Universiti Sains Islam Malaysia.